

9. PINDAAN/PENAMBAHBAIKAN GARISPANDUAN TEMPAT MELETAK KENDERAAN PULAU PINANG

Diluluskan perakuan yang dibentangkan seperti berikut :-

- i) Pindaan/penambahbaikan Garispanduan meletak kenderaan sedia ada yang diringkaskan seperti di Jadual A, Butir-butir ukuran minimum di Jadual B dan Jadual Susunan tempat letak kereta di Jadual C yang dikepilkan telah diluluskan di Mesyuarat Biasa Majllis pada 28 September 2012 dan berkuatkuasa mulai pada 1-1-2013.
- ii) Semua Permohonan Merancang dan Pelan Bangunan yang diterima pada atau selepas 1-1-2013 hendaklah mematuhi garispanduan baru tersebut. Bagi kes-kes di mana pemohon telah diminta menyediakan tempat meletak kenderaan mengikut garispanduan asal, tetapi belum diluluskan, maka kes-kes sedemikian hendaklah dikira semula dan dikenakan garispanduan baru. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes di mana pemohon telah diminta menyediakan tempat meletak kenderaan mengikut garispanduan asal dan telah diluluskan, maka rayuan untuk menggunakan garispanduan baru boleh dipertimbangkan sekiranya diterima, dan
- iii) Kadar bayaran sumbangan tempat letak kenderaan yang tidak dapat disediakan telah ditetapkan kepada kadar baru seperti berikut untuk keseluruhan pulau, Pulau Pinang :-

Satu kadar sahaja : RM25,000.00 setiap petak tempat letak kereta

Memandangkan garispanduan baru ini telah menetapkan ukuran minimum bagi petak letak motosikal dan petak tempat letak koc, bagi tujuan pengiraan sumbangan diluluskan :-

- i) 10 petak tempat letak motosikal adalah bersamaan 1 petak tempat letak kereta;
- ii) 1 petak tempat letak koc adalah bersamaan 2 petak tempat letak kereta.

GARISPANDUAN TEMPAT MELETAK KENDERAAN

KATEGORI	CATATAN	KEPUTUSAN
<p>1. KEDIAMAN</p> <p>Rumah Kos Rendah</p> <p>Rumah Kos Sederhana Rendah</p> <p>Rumahpangsa</p> <p>Lain-lain Kediaman</p> <p>Peruntukan tempat letak kereta untuk orang kurang upaya</p>	<p>1 petak tempat letak kereta : 3 unit kediaman. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap unit kediaman.</p> <p>3 petak tempat letak kereta : 4 unit kediaman. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap unit kediaman.</p> <p>1 petak tempat letak kereta : 1 +10% untuk pelawat. 1 : 2 petak tempat letak motosikal atau sebahagian daripadanya untuk setiap unit.</p> <p>1 petak tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman.</p> <p>4 petak tempat letak kereta dan kebawah dikecualikan menyediakan tempat letak kereta Orang Kurang Upaya (OKU)</p> <p>4 hingga 50 petak tempat letak kereta satu tempat letak kereta khas Orang Kurang Upaya (OKU) perlu disediakan</p>	<p>Tarikh Kuatkuasa : 18.6.2009</p> <p>Tarikh Kuatkuasa : 18.6.2009</p> <p>Keperluan tempat letak motosikal sedia ada untuk cadangan rumahpangsa kos sederhana / mewah dikurangkan daripada 1:1 petak tempat letak motosikal seunit kepada 1 petak tempat letak motosikal bagi setiap 2 unit rumahpangsa kos sederhana / mewah. Tempat letak motosikal yang dikurangkan ini perlu ditukarganti sebagai tempat letak kereta tambahan</p>
<p>2. PERDAGANGAN/PEJABAT</p> <p>2,000 m2 Pertama</p> <p>Lebih Daripada 2,000 m2</p>	<p>1 petak tempat letak kereta : 125 meter persegi. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p> <p>1 petak tempat letak kereta : 100 meter persegi. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>	<p>Penyediaan adalah termasuk tempat letak kenderaan untuk pelawat.</p>
<p>3. INDUSTRI</p>	<p>0.75 petak tempat letak kereta atau sebahagian daripadanya : 100 meter persegi. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>	<p>Minimum 1 petak tempat letak kereta.</p>

KATEGORI	CATATAN	KEPUTUSAN
<p>4. PENDIDIKAN</p> <p>Tadika Sekolah Rendah</p> <p>Sekolah Menengah Kolej & Pusat Tuisyen</p> <p>Institusi Pengajian Tinggi</p>	<p>1.5 petak tempat letak kereta atau sebahagian daripadanya untuk setiap bilik darjah.</p> <p>2 petak tempat letak kereta untuk setiap bilik darjah.</p> <p>2 petak tempat letak kereta untuk setiap 100 meter persegi.</p>	<p>Minimum 2 petak tempat letak kereta.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>
<p>5. HOSPITAL</p>	<p>1.25 petak tempat letak kereta atau sebahagian daripadanya : 100 meter persegi + 10% untuk pelawat.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>	<p>Minimum 2 petak tempat letak kereta.</p> <p><i>Terpakai bagi Hospital Kerajaan dan Swasta. Minimum 1 petak tempat letak kereta untuk pelawat hendaklah disediakan.</i></p>
<p>6. BANGUNAN IBADAT, PERSATUAN, KONGSI & DEWAN PERNIAGAAN.</p>	<p>2.5 petak tempat letak kereta atau sebahagian daripadanya bagi setiap 100 meter persegi keluasan lantai.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>	<p>Minimum 3 petak tempat letak kereta.</p> <p>Bagi bangunan ibadat, selain daripada Masjid, Gereja, Tokong dan Kuil, kategori ini juga merangkumi aktiviti lain yang berkaitan dengan keagamaan seperti sanitari, krematorium, rumah mayat dan sebagainya.</p>
<p>7. SUKAN</p> <p>Kolam Renang (Bukan Kediaman) Kelab Persendirian Sukan & Rekreasi</p> <p>Gelanggang Squash/Tennis/ Badminton Dan Lain-lain</p> <p>Stadium</p>	<p>3 petak tempat letak kereta : 100 meter persegi.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p> <p>3 petak tempat letak kereta : 1 gelanggang.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p> <p>1 petak tempat letak kereta : 8 tempat duduk.</p> <p>1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.</p>	<p>Bagi kolam renang terbuka, keperluan tempat meletak kenderaan adalah berdasarkan kepada keluasan permukaan air bagi kolam berkenaan.</p> <p>Keperluan tempat meletak kenderaan adalah dikira mengikut penyusunan/ penyediaan gelanggang yang maksimum.</p>

KATEGORI	CATATAN	KEPUTUSAN
8. PANGGUNG WAYANG AUDITORIUM	7 petak tempat letak kereta untuk setiap 100 meter persegi keluasan lantai. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap tempat letak kereta.	Keperluan tempat meletak kenderaan adalah secara biasa dan bukannya bumper ke bumper.
9. HOTEL Hotel Jimat	1 petak tempat letak kereta bagi setiap 200 meter persegi untuk 80% daripada keseluruhan keluasan lantai hotel. 3 petak tempat letak kereta bagi setiap 100 meter persegi untuk baki 20% daripada keseluruhan keluasan lantai hotel berkenaan. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta. 1 petak tempat letak kereta bagi setiap 125 meter persegi keluasan lantai. 1 petak tempat letak motosikal untuk setiap petak tempat letak kereta.	Peraturan ini adalah berdasarkan kepada anggaran bahawa kandungan bilik penginapan merupakan 80% daripada keseluruhan keluasan lantai hotel manakala baki 20% merupakan kandungan lain. Untuk penyediaan petak tempat letak koc, bagi hotel yang mempunyai:- i) 50 hingga 100 bilik - 1 petak; ii) 101 hingga 200 bilik - 2 petak; iii) Lebih dari 200 bilik - sekurang-kurangnya 3 petak. Pengiraan keluasan lantai keseluruhan mestilah dicampur dengan keluasan permukaan air bagi kolam renang terbuka. Ini adalah bagi hotel yang mempunyai kemudahan awam yang tidak melebihi 5% daripada keluasan lantai besar atau 300 meter persegi - mana yang lebih tinggi.

Pindaan Garispanduan sediaada bagi Tempat letak kenderaan telah diluluskan di MBM pada 28.9.2012

* Kesemua perkiraan ke atas keluasan lantai adalah berdasarkan kepada keluasan lantai keseluruhan (% gross floor area+).

BUTIR-BUTIR UKURAN MINIMUM

BUTIR-BUTIR	UKURAN MINIMUM												
1. Tinggi bersih siling bagi tempat letak kereta tertutup	2.4 meter												
2. Lebar lerengan atau laluan tanpa tempat letak kereta di kedua belah	i) Laluan rata sehala = 3 meter ii) Lerengan sehala = 3.75 meter iii) Laluan & lerengan duahala :- a) Sekiranya bangunan-bangunan dianjak 6 meter daripada jalan = 5 meter; b) Sekiranya bangunan bersebelahan dengan jalan = 5.5 meter												
3. Kecerunan lerengan	i) Lerengan pendek = 1:7 ii) Lerengan panjang (tingkat ke tingkat) = 1:10 iii) Lerengan tempat letak kenderaan = 1:20 iv) Lerengan bulatan :- <table data-bbox="841 961 1393 1108"> <tr> <td>Lerengan Sehala</td> <td>Tepian Dalam 1:7</td> <td>Tepian Luar 1:11</td> </tr> <tr> <td>Duahala :-</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>a) Lorong Dalam</td> <td>1:7</td> <td>1:11</td> </tr> <tr> <td>b) Lorong Luar</td> <td>1:11</td> <td>1:15</td> </tr> </table> <p>Kecerunan adalah setengah bagi 3.5 meter apabila sampai di tiap-tiap tingkat.</p>	Lerengan Sehala	Tepian Dalam 1:7	Tepian Luar 1:11	Duahala :-			a) Lorong Dalam	1:7	1:11	b) Lorong Luar	1:11	1:15
Lerengan Sehala	Tepian Dalam 1:7	Tepian Luar 1:11											
Duahala :-													
a) Lorong Dalam	1:7	1:11											
b) Lorong Luar	1:11	1:15											
4. Jarak datar daripada lerengan ke muka jalan	6 meter												
5. Lengkuk lerengan	<table data-bbox="776 1308 1344 1392"> <tr> <td></td> <td>Jejari Dalam</td> <td>Jejari Luar</td> </tr> <tr> <td>Sehala =</td> <td>6m</td> <td>10m</td> </tr> <tr> <td>Duahala =</td> <td>6m</td> <td>13.5m</td> </tr> </table>		Jejari Dalam	Jejari Luar	Sehala =	6m	10m	Duahala =	6m	13.5m			
	Jejari Dalam	Jejari Luar											
Sehala =	6m	10m											
Duahala =	6m	13.5m											
6. Jarak daripada hujung lerengan-lerengan ke tempat letak kereta atau dinding	i) Lerengan sehala = 6.7 meter ii) Lerengan duahala = 8.5 meter												
7. Garisan-garisan pandang jelas untuk jalan keluar	Dinding-dinding atau lain-lain halangan yang lebih daripada 0.6 meter dari paras lantai tidak boleh dibenarkan bagi jarak 6 meter dari paras datar hujung laluan keluar.												
8. Bulatan pusingan. Ia hendaklah disediakan jika laluan keluar-masuk dan lerengan-lerengan tidak diadakan di penghujung tempat letak kenderaan.	15 meter garispusat (minimum).												

BUTIR-BUTIR	UKURAN MINIMUM
9. Lif untuk kenderaan	i) Ukuran = 5.5 meter x 2.75 meter ii) Kelajuan . 12 meter seminit iii) Lain-lain syarat :- a) Mematuhi semua kehendak Jabatan Jentera, Jabatan Bomba dan Tenaga Nasional Berhad; b) Tempat menunggu seluas 10% daripada jumlah keluasan tempat letak kereta yang akan disediakan di luar jalan bagi tempat-tempat letak kenderaan yang menggunakan lif-lif.
10. Ukuran 1 petak bagi :- i) tempat letak kereta ii) tempat letak koc iii) tempat letak motosikal	2.4 meter x 4.8 meter (petak piawai) 3.3 meter x 12 meter (sudut) 3.3 meter x 13.7 meter (selari) 0.75 meter x 1.8 meter

* nota : untuk penentuan kelebaran laluan tempat letak kereta dalaman / luar bangunan sila rujuk kepada

Jadual susunan tempat letak kereta di lampiran

JADUAL SUSUNAN TEMPAT LETAK KERETA				
	SEHALA		DUA HALA	
SELARI				
90°				
60°/70°				
45°				
30°				
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG				SKALA : 1:300 TAHUN 2012